

## Darihal berita yang paling luar biasa...

SEORANG pembaca halaman ini (yang tidak mahu memberi namanya) telah menarik perhatian penulis melalui telefon pagi ini kepada dua buah berita. Dan dia mahukan penulis membuat komen terhadapnya.

Berita pertama ialah yang tersiar di Berita Harian Oktober 21 yang melaporkan bahawa lebih kurang 1,000 orang berada di Lapangan Terbang Subang untuk menyambut kepulangan Menteri Besar Pahang, Tuan Haji Rahim Abu Bakar sekembalinya dari menaikkan fardu Haji di Mekah.

Berita yang kedua pula ialah yang tersiar di Utusan Melayu hari ini (Oktober 23, 1981), yang disertailah oleh gambar yang menunjukkan Tuan Haji Rahim Bakar sedang bersalaman dengan seorang tua antara 5,000 orang yang menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Kuantan Khamis lalu. Berita selanjutnya berkata, Tuan Haji Rahim telah membayangkan bahawa soal sama ada atau tidak beliau terus memegang jawatan Menteri Besar akan bergantung sepenuhnya kepada "kata putus" Datuk Seri Dr. Mahathir dan

beliau akan mematuhi segala keputusan yang diambil oleh Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO Malaysia merangkap Pengerusi Jawatankuasa UMNO Pahang.

Berita menambah, ketibaan Tuan Haji Rahim Bakar di Lapangan Terbang Kuantan disambut oleh 5,000 orang pemimpin dan penyokong UMNO dari seluruh negeri Pahang.

Menyambut beliau di tangga kapal terbang ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang Tengku Mustafa, ahli-ahli Exco, wakil-wakil rakyat, wakil-wakil MCA, MIC, pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan badan-badan berkanun serta keluarga rapatnya sendiri.

Mereka membawa sepanduk yang antaranya berbunyi: "Selamat kembali ke pangkuan masyarakat", "Rakyat Pahang memerlukan Haji Rahim Bakar" dan "Haji Rahim terus memimpin kami".

\*\*\*

### Komen Penulis:

Penulis, dengan sebab tertentu, tidak akan menyentuh aspek politik berita berkenaan. Komen penulis adalah ditumpukan semata-mata kepada sambutan yang diberikan oleh penyokong dan peminat kepada Tuan Haji Rahim di Subang dan Kuantan.

Berita berkenaan

dari kaca mata penulis bolehlah dianggap sebagai paling luar biasa. Kerana mengikut pengalaman penulis, sambutan secara besar-besaran untuk menghormati ketibaan seseorang pemimpin (atau untuk mengucapkan selamat jalan kepadanya) biasanya adalah terhad kepada sedang (atau untuk sedang berada "tetap" dan "steady" di atas... Dan jarang-jarang sekali perhimpunan penyokong dan peminat yang begitu besar (sehingga meningkat kepada 5,000) kedengaran untuk menyambut ketibaan seseorang pemimpin politik yang berada dalam keadaan "shaky", yakni, goyang, dalam konteks pemimpin yang menghadapi kemungkinan kehilangan kedudukan ataupun kerusi — dan pemimpin yang tidak pula termasyahur kerana kemewahan dan keistimewaan dari segi kewangan...

Berita ini adalah jua paling luar biasa dari aspek yang lain, lalu pada kebiasaannya persediaan dan persiapan untuk menyambut ketibaan (atau untuk mengucapkan selamat jalan kepada seseorang pemimpin) secara besar-besaran adalah dirancang dan "diatur" oleh pihak tertentu. Tapi penulis difahamkan bahawa sambutan yang diberi oleh penyokong dan peminat kepada Tuan Haji Rahim

seperti dikisahkan tadi, adalah secara spontan, yakni tanpa "arahan" atau "arahan" dari mana jua pihak.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia